

aab

Mahathir - perhimpunan
KERAJAAN SEDIA KAJI SEMULA PENGHARAMAN PERHIMPUNAN AWAM

KUALA LUMPUR, Ogos 16 (Bernama) -- Kerajaan bersedia mengkaji kemungkinan membenarkan semula perhimpunan awam yang diharamkan sejak 1969, menjelang pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Baikmanapun, beliau berkata, keputusan untuk menarik balik pengharaman itu bergantung kepada laporan dan pandangan pihak polis.

"Itu terpulang kepada pihak yang mengawal keselamatan. Mereka lebih arif dan kalau mereka berpendapat bahawa boleh ditarik balik maka mereka akan membuat keputusan itu," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan kilang Sapura-Nokia Telecommunications dan Sapura Electronics Industries di Wangsa Maju, Setapak, di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor semalam bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang mengkaji kesan terhadap keselamatan dan ketenteraman awam jika pengharaman perhimpunan itu ditarik balik.

Rahim bagaimanapun berkata, walau apapun keputusan polis, ia akan dirujuk kepada kerajaan untuk mendapatkan pandangan dan membuat keputusan muktamad mengenainya. -- lagi

16/08/14-10MST

R GB 16-08 00148 BH445

aab

Mahathir - perhimpunan 2 Kuala Lumpur

Perhimpunan awam telah diharamkan oleh kerajaan berikutan rusuhan kaum pada 13 Mei, 1969.

Ketika ditanya sama ada keadaan negara yang aman dan stabil membolehkan pengharaman itu ditarik balik, Dr Mahathir berkata, ini bergantung kepada cara sesuatu perhimpunan awam itu dikawal.

"Kita tidak tahu bila orang terlalu ramai (dalam satu perhimpunan awam), kadang-kadang susah nak kawal. Jadi pihak yang mengurus (perhimpunan itu) mesti tahu macam mana dia boleh kawal orang yang begitu banyak," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada beliau bersetuju supaya pengharaman itu ditarik balik, Dr Mahathir berkata: "Saya bersedia mendengar."

Mengenai kenyataan Setiausaha Agung DAP Encik Lim Kit Siang baru-baru ini bahawa beliau telah menulis surat kepada Perdana Menteri meminta satu temujanji untuk membincangkan mengenai pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata: "Saya sudah jawab surat dia." -- lagi

16/08/14-30MST

Mahathir - perhimpunan 3 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata Lim ingin berjumpa dengannya untuk merundingkan mengenai cara-cara mengadakan satu pilihan raya umum yang adil, bersih dan sebagainya.

Perdana Menteri berkata, beliau memberitahu Lim bahawa kerajaan selalu mengadakan pilihan raya umum yang sebegitu.

"Kita tak pernah buat pilihan raya yang kita tipu, bahkan saya sendiri kalah dalam pilihan raya. Saya adalah calon kerajaan, kalau kerajaan nak tipu, saya ingat patut saya menang selalu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata parti lawan pun berpeluang untuk memenangi pilihan raya umum, malah "Kit Sianq pun menang walaupun saya berpendapat dia tidak patut menang."

"Demikianlah demokrasi dan keadilan pilihan raya di Malaysia," kata beliau.

Ketika ditanya mengapa beliau berkata Lim tidak patut menang, Dr Mahathir berkata pemimpin DAP itu tidak bersikap "konstruktif."

"Sepanjang yang dia berada dalam Dewan (Rakyat), tak ada satu cadangan yang konstruktif... Hanya buat kritik yang tak tentu hala, memburukkan (nama) orang dan kadang-kadang mencerca orang dan mengeluarkan kata-kata yang kesat," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Lim menggunakan kebebasan (bersuara) dalam Dewan Rakyat dengan menggunakan kata-kata yang tidak baik belaka. --

Bernama

ES SIA